

PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR UniMAP

Pengantarabangsaan adalah agenda penting UniMAP, Program Pertukaran Pelajar merupakan salah satu manifestasi agenda ini. Pada 1 Februari, 2006 sehingga Januari 2007, enam orang pelajar UniMAP yang dipilih khas telah dihantar ke Tampere University of Technology (TUT), Finland untuk menjalani pendedahan kuliah dan makmal selama 4 bulan. Bagi kumpulan pertama program ini dijalankan iaitu bermula 1 Februari 2006, sehingga 31 Mei 2006, ketiga-tiga pelajar telah dibiayai sepenuhnya oleh UniMAP.

Manakala bagi kumpulan kedua yang kini sedang menjalani program ini bermula 21 Januari 2007 sehingga 27 Mei 2007, pelajar dibiayai 90% oleh pihak universiti (salah seorang pelajar anak Perlis yang turut mengikuti program ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perlis mendapat sumbangan sebanyak RM 10,000), dan 10% lagi ditanggung oleh pelajar sendiri.

Susulan itu, dua orang pelajar daripada TUT kini berada di UniMAP mulai 3 Jan 2007 sehingga 13 Mei 2007. Hal ini menjadikan jumlah pelajar TUT yang mengikuti program ini

seramai empat orang (dua orang telah tamat mengikuti program ini pada semester pertama sesi 2006/2007). Kehadiran pelajar-pelajar ini telah sedikit sebanyak 'mewarnai' kehidupan pelajar-pelajar UniMAP, yang berpeluang menjalin persahabatan dengan warga antarabangsa walaupun tidak berkesempatan ke luar negara. Ini bermakna program ini bukan sahaja berjaya 'mengantarabangsakan' enam orang pelajar UniMAP yang dihantar ke luar negara, tetapi juga kesemua pelajar UniMAP yang tidak ke sana.

Selain daripada Finland, 5 orang pelajar UniMAP juga dihantar ke Universiti Trisakti, Jakarta bagi menjalani program pertukaran pelajar di antara universiti tersebut bagi tempoh 12 Mac 2007 sehingga 28 Jun 2007. Manakala pihak UniMAP telah menerima pelajar-pelajar daripada Universiti Trisakti seramai 4 orang yang kini sedang mengikuti pengajian di Pusat Pengajian Sistem Elektrik. Mereka akan berada di sini daripada 22 Januari 2007 sehingga 17 Mac 2007 bagi mengikuti program pertukaran pelajar ini.